



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PESAWAH BANTAH PENURUNAN HARGA PADI SEMASA, ALOR SETAR, SH -27 PESAWAH BANTAH HARGA BELIAN PADI RM1,300 SATU TAN, NASIONAL, BH -20 RM1,300 PER TAN TIDAL ADILI, LOKAL, HM -7	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI (BPIP)
4.	LEBIH 20,000 PERMOHONAN LESEN NELAYAN PANTAI UNTUK KELULUSAN, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	KHALID DIHARAP BAWA SINERGI BAHARU KADA, TIMUR, HAKAKAH -H14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	PGA RAMPAS 35 TAN BERAS, 14 LEMBU, LOKAL, HM -10 GAZETKAN SUNGAI PAHANG ZON INDUSRI AKUAKULTUR, DALAM NEGERI, UM -33 LULUSAN ELOEKTRONIK TERJUN KE BIDANG PERTANIAN, LOKAL, HM -3 PETANI PASIR PUTEH DEDDAH TANAMAN PADI HIBRID, TIMUR, HAKAKAH -H15 'SUPER JUICY SELANGOR SWEET, FIKRAH, HAKAKAH -F1 NANAS YANKEE SUBUR DI SELANGOR, FOKUS, HAKAKAH -F2 NANAS YANKESS PILIHAN IDEAL, FOKUS, HAKAKAH -F3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

PeSAWAH bantah penurunan harga padi semasa

ALOR SETAR - Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah sekeras-kerasnya penurunan harga belian padi harga semasa RM1,500 hingga RM1,800 per tan metrik kepada RM1,300 per tan metrik.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, penetapan harga diputuskan dalam mesyuarat pengilang-pengilang beras bersama Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) baru-baru ini adalah tidak adil dan tidak mencerminkan realiti kos pengeluaran padi yang semakin meningkat.

Beliau berpandangan, harga padi minimum RM1,300 yang ditetapkan pada tahun 2023 sudah lapuk dan tidak lagi relevan.

"Peibagai kos telah melambung tinggi sepanjang tempoh tersebut termasuk kos benih padi, membajak dan menuai, sewa tanah, racun serta upah penyenggaraan sawah," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Abdul Rashid menjelaskan, kos benih padi naik dua kali sejak 2023 dan kini mendadak kepada RM58 bagi setiap 20 kilogram (kg) daripada RM45.

Lebih mendukacitakan, Abdul Rashid berkata, permasalahan utama dihadapi pesawah ialah harga kawalan beras tempatan pada RM2.60 per kg sejak tahun 2014 tidak pernah diambil perhatian serius.

"Jadi, sudah tibanya rakyat Malaysia menerima harga beras baru yang lebih relevan iaitu RM3.60 per kg bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran padi dan mengangkat taraf hidup pesawah yang kebanyakannya masih di bawah garis kemiskinan," katanya.

Tegasnya, pihak Kementerian pula mesti menurunkan kos benih padi sah kepada RM45 per beg dan kos-kos lain sekitarnya masih mahu mengekalkan harga beras kepada RM2.60 sekilogram dan menurunkan harga padi kepada RM1,300 per tan.



ABDUL RASHID

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

PeSAWAH bantah harga belian padi RM1,300 satu tan

Pertubuhan dakwa kos pengeluaran semakin meningkat, jejas pendapatan petani

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah penetapan harga belian padi RM1,300 setiap tan yang diputuskan pada mesyuarat pengilang beras bersama Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi dan Beras, baru-baru ini.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, mendakwa harga itu tidak adil dan tidak mencerminkan realiti kos pengeluaran padi yang semakin meningkat ketika ini.

Justeru, beliau meminta kerajaan mengkaji semula penetapan harga minimum belian padi dan mengambil kira beberapa faktor terpaksa ditanggung petani seperti kenaikan mendadak kos pengeluaran padi, pendapatan dan kebajikan pesawah.

"Jika kerajaan mahu mengesahkan harga beras pada RM2.60 per kilogram (kg) dan menurunkan harga belian padi pada RM1,300 per tan, pihak kementerian juga mesti menurunkan kos benih padi sah kepada RM28 per beg dan kos lain yang berkaitan."

"Jangan berhenti setakat kilang dan memaksa pesawah yang sedia miskin menanggung kos makanan ruji orang yang lebih kaya," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Gesa babitkan wakil

Sebelum ini, kerajaan menetapkan harga lantai belian padi adalah pada RM1,300 per tan, dengan pengilang menawarkan harga belian lebih tinggi, iaitu antara RM1,500 hingga RM1,800 per tan di pasaran terbuka.

Abdul Rashid juga menggesa kerajaan membabitkan wakil pesawah dalam perbincangan berkaitan dasar dan harga padi pada masa hadapan kerana kegagalan berbuat demikian hanya memburukkan lagi keadaan dan menjejaskan industri padi negara.

"Harga belian padi RM1,300 yang ditetapkan pada 2023 sudah ketinggalan, tidak lagi relevan ketika ini."

"Pelbagai kos melambung tinggi sepanjang tempoh itu, antaranya kos benih padi yang naik dua kali sejak 2023, terkini naik kepada RM58 per beg."

"Kos membajak dan menuai juga naik ekoran penghapusan subsidi diesel, memaksa pesawah menanggung kos mesin jentuai yang lebih tinggi."

"Kos sewa tanah meningkat sejak beberapa musim kebelakangan, melambung hampir empat kali ganda."

"Upah penyelenggaraan sawah seperti meracun, menabur dan membaja juga meningkat," katanya sambil menambah lebih mendukacitakan apabila masalah utama dihadapi pesawah iaitu harga kawalan beras tempatan RM2.60 sekilogram sejak 2014 tidak pernah diambil perhatian serius."

"Sudah tiba masa rakyat Malaysia menerima harga beras baharu lebih relevan RM3.60 satu kilogram bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran padi, juga dapat membantu mengangkat taraf hidup pesawah yang kebanyakannya masih di bawah garis kemiskinan," katanya.

Harga belian padi RM1,300 yang ditetapkan pada 2023 sudah ketinggalan, tidak lagi relevan ketika ini

Abdul Rashid Yob,
Pengerusi
PeSAWAH



9/1/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

7

PESAWAH MINTA KERAJAAN KAJI SEMULA PENETAPAN HARGA MINIMUM BELIAN PADI

RM1,300 per tan tidak adil!

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah penetapan harga belian padi RM1,300 per tan yang diputuskan pada mesyuarat pengilang beras bersama Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi dan Beras, baru-baru ini.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, berkata penetapan harga itu adalah tidak adil dan tidak mencerminkan realiti kos pengeluaran padi yang semakin meningkat ketika ini. Katanya, kerajaan diminata mengkaji semula pene-

tapan harga minimum belian padi dan mengambil kira beberapa faktor yang terpaksa ditanggung petani seperti kenaikan kos pengeluaran padi mendadak, pendapatan dan kebajikan pesawah.

"Jika kerajaan mahu mengekalkan harga beras pada RM2.60 per kilogram (kg) dan menurunkan harga belian padi pada RM1,300 per tan, maka pihak kementerian juga mesti menurunkan kos benih padi sah kepada RM28 per beg dan kos lain yang berkaitan.

"Jangan berhenti setakat kilang dan memaksa pesawah yang sedia miskin menanggung kos makanan rui orang yang lebih kaya," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, kerajaan menetapkan harga lantai belian padi adalah pada RM1,300 per tan, dengan pengilang menawarkan harga belian lebih tinggi iaitu antara RM1,500 hingga RM1,800 per tan di pasaran terbuka.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, pihaknya juga menggesa kerajaan membabitkan wakil pesawah dalam sebarang perbincangan berkaitan dasar dan harga padi pada masa hadapan.

Katanya, kegagalan berbuat demikian hanya memburukkan lagi keadaan dan menjejaskan industri padi negara.

"Harga belian padi RM1,300 yang ditetapkan pada 2023 sudah ke-

tinggalan dan tidak lagi relevan ketika ini. Pelbagai kos melambung tinggi sepanjang tempoh itu, antaranya kos benih padi yang naik dua kali sejak 2023, terkini naik kepada RM58 per beg.

"Malah kos membajak dan menuai juga meningkat ekoran penghapusan subsidi diesel. Ini memaksa pesawah menangan-

gung kos mesin jentuai yang lebih tinggi.

"Kos sewa tanah yang meningkat sejak beberapa musim kebelakangan ini.

Kos melambung hampir empat kali ganda, upah penyelenggaraan sawah seperti

meracun, menabur dan membaja juga meningkat," katanya.

Abdul Rashid berkata, lebih mendukacitakan apabila permasalahan utama yang dihadapi pesawah iaitu harga kawalan beras tempatan pada RM2.60 per kg sejak tahun 2014 tidak pernah diambil perhatian serius.

"Sudah tiba masanya rakyat Malaysia menerima harga beras baharu yang lebih relevan iaitu RM3.60 per kg bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran padi.

"Langkah ini juga dapat membantu mengangkakat taraf hidup pesawah yang kebanyakannya masih di bawah garis kemiskinan," katanya.



"Jangan berhenti setakat kilang dan paksa pesawah menanggung kos makanan"
Abdul Rashid

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

Lebih 20,000 permohonan lesen nelayan pantai untuk kelulusan



MERBOK, 8 Januari - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menerima lebih 20,000 permohonan lesen nelayan pantai atau nelayan ZON A untuk diangkat kepada Jabatan Perikanan Malaysia bagi mendapatkan kelulusan.

Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil berkata, daripada jumlah itu setakat ini lebih 8,000 lesen nelayan pantai telah diluluskan.

Menurutnya, lesen berkenaan sebelum itu dibekukan dan dibuka semula pada tahun 2018 dengan agenda membolehkan anak-anak muda nelayan mempunyai pekerjaan dan pendapatan, sekali gus menampung keperluan dan keterjaminan makanan negara.

"Kita melihat kepada kekosongan yang ada dan keperluan yang perlu ada Zon A. Kita diperingkat LKIM cuba membantu dan Alhamdulillah menghargai Jabatan Perikanan yang meluluskan banyak lesen kepada nelayan," kata Faiz.

Beliau ditemui pemberita selepas program Rahmah Mesra Madani Bersama Nelayan di Kg Pengkalan Bujang, di sini.

Di Kedah terdapat 400 permohonan lesen nelayan pantai dan di kawasan nelayan Pengkalan Bujang terdapat 27 permohonan dengan tujuh daripadanya telah diluluskan.

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan "Touch Point" berupa 14 unit jaket keselamatan kepada nelayan dan menyampaikan Bantuan Bakul Makanan Harian kepada 20 keluarga nelayan.

Khalid diharap bawa sinergi baharu KADA

Oleh **ASLANI M**

KOTA BHARU: Kerajaan negeri berharap dapat menjalin hubungan lebih rapat dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di bawah pengurusan baharu diketuai Khalid Abd Samad.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, diharapkan pelantikan Khalid akan membawa sinergi baharu dalam usaha memperkasakan sektor pertanian.

Selain itu dapat meningkatkan daya saing industri padi di negara ini.

"Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat bertugas kepada Pengerusi KADA yang baharu," katanya selepas menerima kunjungan Khalid dan pegawai kanan KADA di pejabatnya baru-baru ini.

Turut hadir Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Mohamad Nazwan Ismail dan wakil Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan Menteri Khalid sebagai Pengerusi KADA menggantikan Mohamad Husin yang juga pemimpin Amanah Pasir Puteh.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, pertemuan itu menekankan kerjasama erat bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk tanaman padi.

"Langkah-langkah proaktif dan perancangan rapi amat penting dalam usaha menjamin kelangsungan hasil padi demi kesejahteraan petani dan rakyat," ujarnya.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail mengadakan perbincangan dengan Pengerusi KADA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10

PGA rampas 35 tan beras, 14 lembu

Kota Bharu: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara merampas dua treler, lebih 35 metrik tan beras serta 14 ekor lembu dianggarkan bernilai lebih RM800,000 hasil dua rampasan berasingan di Pasir Mas dan Tanah Merah, sejak kelmarin.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, pasukan-nya bersama Unit Kereta Peronda daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas menahan sebuah treler dalam keadaan mencurigakan di pangkalan haram Yasin di Lubok Gong, Pasir Mas, 9.30 pagi, kelmarin.

"Hasil pemeriksaan di bahagian belakang treler

ditemukan 35,290 kilogram (kg) beras Siam bernilai RM141,160 disyaki diseludup masuk dari Thailand. "Seorang pemandu lelaki berusia 32 tahun gagal menunjukkan sebarang dokumen berkaitan beras yang dibawa.

Siasatan lanjut mendapati beras Siam itu dibawa masuk dari negara jiran melalui laluan tidak sah," katanya.

Menurutnya, kesemua barangan rampasan termasuk beras dan treler jenis Volvo dianggarkan bernilai RM561,160 manakala suspek diserahkan kepada pihak Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan -Keterjaminan

Makanan untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, anggota Batalion 9 PGA menahan treler yang membawa 14 ekor lembu bernilai RM136,500 di Sekatan Jalan Raya Lalang Pempuyu, 3.30 petang kelmarin.

Beliau berkata, pemandu treler itu iaitu seorang lelaki berusia 26 tahun mengemukakan dokumen berkaitan lembu yang dibawa namun kesemua tag telinga haiwan itu tidak sama seperti dalam permit pindah binatang yang diberikan serta meragukan.

"Keseluruhan rampasan iaitu lembu dan treler dianggarkan bernilai RM321,500 dibawa ke Kom-tak Taman Bakti untuk tindakan lanjut oleh Jabatan Veterinar," katanya. - Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
9/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Gazetkan Sungai Pahang zon industri akuakultur



SUNGAI Pahang dicadang digazetkan sebagai zon industri akuakultur dan hub pengeluaran makanan untuk keperluan negara.

TEMERLOH: Sungai Pahang yang diiktiraf terpanjang di Semenanjung Malaysia wajar digazetkan sebagai zon industri akuakultur atau ternak air ikan eksotik dan hab pengeluaran makanan untuk keperluan negara.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lantikan, Mohd. Fadzi Mohd. Ramli berkata, ia selaras dengan matlamat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk membangunkan sektor agromakanan yang

mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi.

“Sungai Pahang wajar diangkat nilai tambah sebagai zon ternak air terbesar bukan sahaja tertumpu kepada ikan patin, kelah dan tilapia semata-mata tetapi banyak lagi spesies eksotik seperti baung serta kerai yang perlu turut dikomersialkan oleh kerajaan.

“Spesies kerai yang menjadi hidangan golongan kenamaan perlu dijadikan produk lauk hidangan pelbagai menu yang

kedua selepas patin kerana rasanya enak dan menyelerakan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Mohd. Fadzi berkata, dengan menggazetkan Sungai Pahang sebagai zon ternak air bakal merancakkan lagi industri ini untuk keperluan tempatan dan pasaran antarabangsa.

Menurutnya, produk ternakan ikan sangkar Sungai Pahang mendapat permintaan tinggi penggemar ikan air tawar termasuk dari Lembah Klang.

Putrajaya: Minat dalam bidang pertanian mendorong Ahmad Irfan Jauharasyid, 23, menceburi bidang penanaman cili di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) - Inisiatif Usahawan Tani (Intan) meskipun memiliki latar belakang pendidikan dalam teknologi elektronik.

Anak kelahiran Muar, Johor itu berkata, minat terhadap pertanian mula berputik sejak kecil apabila sering menemani bapa ke kebun kelapa sawit dan turut serta menanam sayur ketika di asrama.

"Saya belajar kemahiran teknologi elektronik di Giatmara Prima Ledang dan kemudian menyambung pengajian di peringkat diploma dalam bidang sama di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Batu Pahat, Johor.

"Selepas tamat pengajian, saya sempat menjalani latihan industri dan bekerja di tempat latihan selama beberapa bulan. Namun, peluang menyertai program IPR ini membuka lembaran baharu dalam hidup saya, katanya.

Menurutnya, dia mengetahui mengenai program IPR melalui Facebook dan melihatnya sebagai peluang belajar sesuatu yang baru dan menjana pendapatan stabil.

"Di sini, kami fokus sepenuhnya pada tanaman cili dengan lebih 40,000 pokok dalam beg poli dan se-

Lulusan elektronik terjun ke bidang pertanian



AHMAD Irfan lulusan teknologi elektronik memilih kerja sebagai petani dengan menyertai program Projek IPR di Presint 9, Putrajaya. * Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

tiap peserta akan menerima sekitar 2,000 beg poli setiap musim untuk diusahakan sebelum dipetik dan dijual.

"Manakala, hasil cili akan dikumpulkan dan dikutip oleh Pusat Pengumpulan Kuala Langat sebelum dihantar ke pasar awam dan syarikat yang sudah menandatangani kontrak," katanya kepada Harian Metro.

Ahmad Irfan yang kini memasuki musim ketiga sebagai petani cili menyatakan pendapatan yang diperolehnya semakin meningkat setiap musim.

"Musim pertama, keuntungan yang saya perolehi



adalah sekitar RM20,000, manakala musim kedua meningkat kepada RM25,000. Boleh dikatakan setiap kali hasil tuai akan memecah empat tan bagi purata setiap plot," katanya.

Berkat usaha gigih dan disiplin tinggi, Ahmad Irfan kini dilantik sebagai penye-

lia untuk menyelia kerja serta lain dalam projek berkenaan.

Bagi Ahmad Irfan, bidang pertanian bukan saja memberi pendapatan stabil tetapi kepuasan apabila melihat hasil tanaman yang diusahakan memberi manfaat kepada ramai pihak.

Petani Pasir Puteh didedah tanaman padi hibrid



Dr Fung Fwei Chong memberi penerangan mengenai tanaman padi hibrid.

Oleh **RIZAL TAHIR**

PASIR PUTEH: Pusat Khidmat DUN Gaal membawa petani mempelajari teknik penanaman padi hibrid di Chaah Segamat, Johor baru-baru ini.

ADUN Gaal, Mohd Rodzi Jaafar berkata, penerangan berkaitan teknologi padi berkenaan disampaikan pakar bidang berkenaan, Dr Fung Fwei Chong.

Katanya Dr Chong memberi penerangan panjang lebar mengenai teknologi tersebut.

“Kita berusaha memperkalkan inovasi terkini dalam penanaman padi yang lebih tahan lasak dan hasilnya lebih tinggi.

“Padi hibrid yang diperke-

nalkan itu berpotensi membawa perubahan besar kepada sektor pertanian di Kelantan,” katanya di sini.

Beliau berkata, teknologi itu akan dibawa ke Pasir Puteh bagi meningkatkan produktiviti serta pendapatan petani.

Menurutnya juga hasil penyelidikan Dr Fong, padi hibrid boleh ditanam tanpa air yang banyak dan mampu dituai sehingga lima kali biar pun sekali tanam.

Kata beliau padi jenis itu mampu menjana hasil sebanyak 16 tan setiap sehektar.

“Program lawatan ini diharapkan menjadi pencetus perubahan kepada pembangunan pertanian di kawasan luar bandar,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2025	HARAKAH	FIKRAH	F1



'Super juicy Selangor Sweet'

ISTILAH 'Super juicy Selangor Sweet' adalah label yang merujuk kepada sejenis nanas premium yang dihasilkan di Selangor, Malaysia.

Sebagai produk yang berasal dari kawasan yang subur di negeri ini, nanas Selangor Sweet telah membina reputasi yang kukuh dalam

kalangan penggemar buah-buahan tropika dalam dan luar negara.

Nanas jenis ini juga sering dijadikan simbol kesegaran dan kelazatan, menjadikannya salah satu produk unggul yang mencerminkan kualiti pertanian di Malaysia.

Justeru, apakah sebenarnya keistimewaan utama nanas ini sehingga dikenali sebagai Selangor Sweet dan dilabelkan 'super juicy'?

KUPASAN LANJUT ► F2 & F3

Nanas Yankee subur di Selangor

Oleh SRIHAYANIS ABASRI
Foto MUHAMMAD ZHARIF
ZULKIFLEE

NANAS atau nama saintifiknya, *ananas comosus* daripada keluarga Bromeliaceae mempunyai lebih daripada 70 varieti nanas dari seluruh dunia termasuk nanas komersial dan ornamental (hiasan) yang menjadi tumpuan.

Pembiakan baka nanas dilaksanakan sebagai langkah penting untuk memastikan varieti ini tidak pupus kerana setiap nanas mempunyai ciri-ciri unik yang menjadikan istimewa dan sukar diperoleh di tempat lain.

Selain itu, seiring dengan perkembangan dan pembangunan tanaman nanas yang semakin pesat setiap tahun, sebanyak 16 varieti nanas telah berjaya didaftarkan oleh Jabatan Pertanian dan direkodkan dalam Senarai Varieti Nanas Kebangsaan yang menjadi rujukan utama bagi industri nanas negara.

Kesemua varieti ini berpotensi tinggi untuk memenuhi permintaan pasaran domestik dan antarabangsa, dengan pembangunan varieti ini adalah hasil usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan daya saing industri nanas negara.

Amalan agronomi moden


Nanas Yankee atau 'Selangor Sweet' merupakan sejenis nanas yang luas ditanam dan popular di Selangor yang didaftarkan pada 2013 serta nombor daftar AC6 daripada kumpulan Queen dan daunnya berduri.

Sepanjang perjalanan Harakah di Selangor terutama di sekitar Banting dan Klang, khususnya di kawasan tanah gambut terdapat banyak nanas Yankee ditanam oleh pekebun kecil hampir sekitar 60 peratus daripada nanas jenis itu.

Menurut laporan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB), keluasan keseluruhan penanaman nanas di Selangor pada 2018 adalah seluas 546.04 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 9,560 metrik tan.

Pencapaian itu menunjukkan potensi besar industri nanas di Selangor yang disokong oleh amalan

Morfologi Nanas Yankee



agronomi moden dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti agensi kerajaan dan sektor swasta.

Oleh demikian, sektor nanas di Selangor berpotensi untuk berkembang lebih pesat, sekaligus menyumbang kepada peningkatan hasil pertanian negara dan daya saing di peringkat antarabangsa.

Dari segi sejarah, nanas Yankee dahulu banyak ditanam di sekitar Simpang Renggam, Johor dan kemudian benih nanas itu telah dibawa ke Selangor kemudian menjadi varieti nanas yang utama di negeri ini.

Tanaman Yankee secara integrasi

Ahli Parlimen Kuala Langat, **Dato' Dr Ahmad Yunus Halil** berkata, pekebun kecil nanas di sini menghadapi kekangan akibat kekurangan kawasan baharu

untuk penanaman secara monokrop.

"Penanaman secara monokrop bermaksud menanam satu jenis tanaman pada sesuatu kawasan secara besar-besaran dan berterusan tanpa dicampur dengan tanaman lain seperti ladang yang hanya ditanam dengan nanas atau kelapa sawit."

"Kaedah ini biasanya dilakukan untuk tujuan komersial bagi memudahkan pengurusan tanaman, kawalan penyakit dan pemprosesan hasil."

"Oleh demikian, mereka mengadaptasi kaedah penanaman secara integrasi iaitu nanas Yankee ditanam bersama tanaman lain seperti kelapa sawit, kelapa, durian belanda, nangka, cempedak, pisang dan sebagainya," katanya ketika ditemui Harakah, baru-baru ini.

Beliau telah membeli tanah yang asalnya ditanam dengan kelapa sawit sekitar 20 tahun

lalu dan menebang semua pokok itu untuk memberi ruang kepada tanaman durian belanda dan nanas.

Dalam kesibukan rutin beliau dalam isu rakyat di kawasannya, Ahmad Yunus, 59, tetap dapat mencuri waktu untuk menguruskan hasil tanaman nanas di Jalan Kempas, Kampung Jenjarom, Kuala Langat, Selangor.

"Tanaman nanas Yankee memang memerlukan kerajinan kerana ia melibatkan penjagaan rapi dan ilmu pengetahuan tentang amalan agronomi yang betul, serta teknik pemasaran yang tepat untuk memastikan ia mendapat tempat di pasaran."

"Jika saya tiada sidang (Parlimen), dalam seminggu sekali saya datang di kebun untuk menguruskan dan membersihkan kawasan kebun ini dan ia juga terapi bagi saya untuk menghilangkan tekanan," ungkap beliau.

Pengurusan khusus tanah gambut

Beliau berkata, nanas Yankee yang ditanam di tanah gambut mempunyai kedalaman lebih enam kaki di kawasan tertentu yang memerlukan tempoh lebih lama untuk matang iaitu sekitar 18 bulan selepas ditanam.

Tanah gambut memiliki ciri-ciri unik seperti kandungan organik yang tinggi dan kapasiti penahanan air yang baik yang sesuai untuk penanaman nanas, namun memerlukan pengurusan yang khusus bagi memperoleh hasil yang optimum.

"Ia memerlukan pengurusan khusus seperti sistem saliran yang baik untuk mengawal kelembapan tanah, mengelakkan banjir dan memastikan akar tidak terendam terlalu lama."

"Seterusnya, pembajaan yang sesuai bagi menggantikan kekurangan mineral tertentu, seperti kalium dan fosforus yang biasanya rendah dalam tanah gambut."

"Selain itu, pengurusan rumpai dan perosak kerana tanah gambut sering menjadi habitat serangga dan rumpai tertentu yang boleh menjejaskan pertumbuhan tanaman," jelasnya.

Beliau yang memiliki tanah seluas lima ekar yang digunakan untuk menanam

nanas amat mementingkan kepadatan untuk memanfaatkan susunan tanaman yang sesuai dengan saiz pokok (nanas) yang besar.

"Kepadatan itu disesuaikan untuk memastikan setiap pokok mendapat cahaya matahari, nutrien dan aliran udara yang mencukupi. Bila nanas mendapat sumber yang mencukupi nanas itu pun sangat manis dan berjis."

"Jarak penanaman adalah 1.5 kaki x 2 kaki untuk membolehkan pokok-pokok mendapat ruang yang mencukupi untuk tumbuh dengan baik tanpa perlu sesak," ujarnya.

Keunikan sulur nanas Yankee

Beliau berkata, keunikan mengenai varieti nanas Yankee ialah keupayaannya menghasilkan banyak sulur sisi di sekeliling buah apabila matang yang biasanya berjumlah sekitar lapan hingga 10 unit bagi setiap biji buah matang.

"Sulur sisi ini memberikan kelebihan kepada pekebun kerana ia boleh digunakan sebagai bahan tanaman baharu semula jadi yang boleh mengurangkan kos pembelian anak benih kerana dapat menghasilkan anak pokok sendiri."

"Selain itu, ia dapat mempercepatkan proses penyediaan ladang kerana sulur sisi mudah diambil dan ditanam, serta menjamin keseragaman varieti dalam ladang dengan memastikan hasil yang berkualiti dan konsisten," jelasnya lagi.

Sehubungan itu, menurut beliau, sepokok nanas Yankee berpotensi menghasilkan sehingga 12 sulur benih jika diberikan penjagaan yang baik, termasuk pembajaan, penyiraman dan kawalan perosak secara berkala.

"Dari segi hormonisasi, terdapat perbezaan masa untuk menggalakkan pengeluaran buah iaitu sulur tanah yang boleh dihormon selepas enam bulan ditanam menjadikan pilihan yang lebih cepat untuk proses penghasilan buah."

"Selain itu, sulur udara yang memerlukan masa lebih lama dan hanya boleh dihormon selepas 12 bulan kerana pertumbuhan bergantung kepada keadaan pokok induk dan cuaca," katanya.

Nanas Yankee pilihan ideal

Oleh **SRIHAYANIS ABASRI**
Foto **MUHAMMAD ZHARIF ZULKIFLEE**

NANAS Yankee merupakan salah satu varieti daripada kumpulan Nanas Queen yang terkenal dengan kualiti buah yang manis dan aroma yang wangi, namun ia menghadapi cabaran dalam penghasilan buah iaitu kepekaan terhadap aruhan pembungaan.

Masalah ini berlaku kerana nanas itu kurang responsif kepada bahan kimia seperti etilena atau agen pengaruh pembungaan lain yang lazimnya digunakan untuk menyeragamkan masa pembungaan dalam penanaman nanas.

Hal demikian menyukarkan segelintir pekebun untuk menjangka waktu hasil tuaian, sekali gus mempengaruhi keberkesanan pengurusan ladang dan pemasaran, tetapi dapat dikurangkan dengan aplikasi hormon karid dan beberapa bahan lain.

Tahan lasak, daun lebar dan panjang

Walaupun bagaimanapun nanas Yankee atau digelar sebagai 'Selangor Sweet' sangat istimewa kerana mempunyai pokok yang besar dengan ketinggian hampir satu meter bagi pokok dewasa yang subur dan tahan lasak jika dibandingkan dengan varieti yang lain.

Selain itu, ia mempunyai saiz daun yang lebar dan panjang tetapi juga terdapat duri yang agak tajam sehingga terpaksa memakai seluar yang agak tebal seperti jeans bagi mengelakkan tertusuk duri yang keras dan tajam.

Penggunaan losyen dengan segera amat membantu jika terkena duri semasa melalui celah pokok nanas untuk mengelakkan sebarang jangkitan berlaku, selain dapat mengelakkan terkena gigitan serangga seperti nyamuk.

Sementara itu, nanas Yankee mempunyai kelebihan dari segi daya tahan terhadap penyakit terutama jika dibandingkan dengan varieti seperti MD2 yang lebih rentan terhadap penyakit reput teras bakteria (BHR).

Oleh demikian, varieti ini lebih stabil untuk penanaman jangka panjang terutama di kawasan

berisiko jangkitan tinggi dan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan racun kimia untuk kawalan penyakit.

Justeru, Ahmad Yunus berkata, nanas Yankee sesuai untuk petani yang ingin mengurangkan risiko penyakit (tanaman) dan kos penjagaan, tetapi dengan strategi tambahan untuk mengatasi kelemahan dalam pembungaan.

Selain itu, jarak tanaman adalah 3 kaki x 2 kaki di antara tanaman dan 4 hingga 5 kaki di antara barisan dapat memberikan ruang yang cukup untuk pertumbuhan vegetatif, aliran udara yang baik dan memudahkan pengurusan ladang.

Pembajaan pula sama dengan amalan teknologi tanaman nanas di tanah gambut iaitu semasa vegetatif menggunakan baja NPK (nitrogen, fosforus, potasium) 15:15:15 dan untuk pembuaian dengan baja NPK 12:12:12 unsur surih (TE) serta baja semburan yang lain.

Cabaran pendebungaan

Nanas varieti ini hanya sesuai menggunakan kalsium karbid untuk aruhan bunga, manakala bahan hormon lain seperti ethephon (ethe) dan pil ANAA tidak menunjukkan keberkesanan terhadap varieti ini.

Beliau berkata, aktiviti berkebun bukan sahaja tempat menghasilkan tanaman tetapi juga ruang untuk mencuba pelbagai teknik pertanian.

Beliau pernah mengalami kegagalan ketika proses pendebungaan dengan menggunakan racun yang kononnya pemberian ubat pada hujung musim dapat menghasilkan buah serentak.

"Akhir sekali, saya memilih pendekatan untuk membiarkan tanaman itu. Bila saya biarkan secara semula jadi, pendebungaan jadi lebih baik, dan kini pokok kembali menghasilkan buah."

"Jadi, biarlah ia berbuah secara semulajadi. Ini lebih baik kerana buah sentiasa ada sepanjang tahun sekitar 1.5 tahun untuk berbuah," katanya.

Selain itu, beliau juga menghadapi cabaran seperti serangan musang yang merosakkan nanas matang dan banjir kecil yang



Ahmad Yunus bersama isteri, Harlina yang menjadi tulang belakang dalam pengurusan kebun tanaman mereka.

menyebabkan daun tanaman lain luruh.

Beliau berkata, buah nanas Yankee akan matang dalam masa 12 bulan selepas ditanam dengan warna kulit masih hijau apabila masak dan terdapat tanda warna tompok kuning pada beberapa mata nanas.

"Salah satu kekurangan nanas Yankee adalah kulit nanas yang nipis dan lembut menjadikan buah ini tidak tahan lama untuk dihantar ke lokasi yang jauh dan mudah berair jika ditindih-tindih semasa proses pengangkutan."

Rasa sangat lazat, tidak lidas

"Bahagian isi nanas pula berwarna putih dengan sedikit kekuningan dan ada tompok kecil warna putih tetapi isi buah yang masak, sangat berair dan sepotong nanas pasti akan menitisikan air yang sangat manis," jelasnya.

Nanas Yankee menjadi pilihan utama beliau kerana rasanya yang manis, tidak terlalu padat dan tidak lidas berbanding varieti lain seperti MD2 atau Josapine.

"Nanas Yankee memang manis. Kalau terlindung daripada matahari, ia takkan manis. Sebab itu, kawasan ini sesuai kerana tanah gambut yang kaya dengan air," katanya.

Nanas itu juga mempunyai tekstur fiber yang halus dan lembut, serta tahap kemanisan antara 12 hingga

16 brix yang memberikan rasa yang optimum untuk kebanyakan pengguna yang tidak terlalu manis atau terlalu masam.

Nanas Yankee bukan sahaja sesuai untuk dimakan segar tetapi sangat versatil dijadikan pelbagai produk hiliran sekaligus dapat mengurangkan kos tambahan pemanis dalam pemprosesan dan tambah nilai kepada produk yang berkualiti premium.

"Antara produk hiliran nanas adalah jus, pakeri, pes, kordial, acar buah, jem dan sebagainya," ujarnya.

Nanas Yankee sememangnya pilihan popular dalam masyarakat tempatan di Banting terutama semasa dalam majlis perkahwinan kerana keunikan rasa, tekstur yang lembut dan kemanisan seimbang sangat sesuai untuk pelbagai juadah tradisional.

Nanas Yankee menunjukkan potensi yang sangat baik dari segi ekonomi dan penerimaan pasaran, terutama di Lembah Klang dan sekitarnya dengan harga ladang yang stabil mencerminkan permintaan yang konsisten dan daya tarikan di pasaran tempatan.

"Nanas ini dijual dengan harga ladang sekitar RM2.50 sekilogram bagi gred A dan mampu untuk mencecah RM3.50 sekilogram bagi gred AA," katanya.

Sementara itu, permasalahan yang terdapat dalam penanaman nanas

adalah kejadian buah yang rosak di mana bahagian atas nanas (di bawah jambut) akan reput dan berwarna ungu kehitaman.

Hal demikian menunjukkan betapa penting langkah kawalan dan penjagaan yang lebih rapi dalam penanaman nanas Yankee untuk mengelakkan kerugian yang tidak diingini, tetapi ia tetap boleh dimakan jika hanya bahagian atas sedikit rosak.

Beliau mengakui bahawa kerosakan nanas ini sukar dikesan semasa buah masih muda, namun simptom reput tersebut akan menjadi lebih jelas apabila buah hampir masak, maka serangan kulat pun berlaku.

Pelbagai khasiat empulur nanas

Selain itu, bahagian empulur (batang tengah) nanas Yankee sangat istimewa kerana memiliki rasa yang manis, tekstur lembut dan berjis yang menjadikan unik berbanding varieti nanas yang lain.

Tambahan pula, empulur nanas Yankee ini kaya dengan kandungan bromelin iaitu enzim yang mempunyai pelbagai manfaat kesihatan seperti membantu pencernaan dan mengurangkan keradangan.

Keistimewaan ini menjadikan nanas Yankee bukan sahaja popular sebagai buah segar tetapi juga bernilai tinggi dari sudut kesihatan dan pemakanan.

Tanah warisan perlu dijaga dengan baik

Justeru, pengalaman beliau ketika berkebun bukan sahaja memerlukan ketekunan tetapi pemahaman mendalam tentang alam semula jadi dan membuktikan bahawa berkebun bukan sekadar pekerjaan tetapi seni kehidupan yang penuh hikmah.

Beliau menutup perkongsian dengan penghargaan kepada keluarga terutama isterinya, Datin Harlina Sairoji yang banyak membantu dalam pengurusan kebun.

"Tanah ini adalah warisan yang saya usahakan atas dorongan arwah bapa mertua. Ia memberi hasil bukan sahaja kepada saya, tetapi kepada orang lain juga," katanya.